




Jabatan Landskap Negara

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Siri  
*Warisan  
Landskap*

# Pokok Utama Berbunga

*Flowering Main Tree*



[www.treesforlife.gov.my](http://www.treesforlife.gov.my)

Siri  
*Warisan  
Landskap*

# Pokok Utama Berbunga

*Flowering Main Tree*



**Jabatan Landskap Negara**

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

**Diterbitkan oleh**

Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Tingkat 7, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03 - 4047 0000 Faks: 03 - 4045 2415

**Hakcipta©Teks**

i) Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

ii) Profesor Dr. Mustafa Kamal bin Mohd. Shariff

**Hakcipta©Gambar**

i) Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

ii) Infoskop Design

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Edisi Pertama 2008

ISBN : 978 - 983 - 42072 - 1 -2

**Teks oleh**

Profesor Dr. Mustafa Kamal bin Mohd. Shariff

**Rekabentuk dan Grafik oleh**

Infoskop Design  
7-2 Jalan Setiawangsa 9  
Taman Setiawangsa  
54200 Kuala Lumpur  
Tel: 03 - 4257 4313 Faks: 03 - 4257 5313

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Mustafa Kamal Mohd. Shariff

Pokok utama berbunga = Flowering main tree/[teks oleh Mustafa Kamal bin Mohd. Shariff].

(Siri warisan landskap)

Mengandungi Indeks

ISBN 978-983-42072-1-2

1. Flowering trees. 2. Landscape plants. 3. Landscape gardening. I. Judul.

II. Judul : Flowering main tree.

635.97713



# *Kandungan*

- Pendahuluan 4
- Pokok Utama Berbunga 7
- Indeks 68



## *Pendahuluan*

Negara kita yang beriklim tropika sememangnya kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan. Kehijauan bumi negara kita sememangnya terkenal di serata dunia. Namun begitu kehijauan sepanjang masa tentunya membosankan. Bagi mengurangkan kebosanan ini negara kita sememangnya berbuah oleh kerana terdapat banyak pokok-pokok yang boleh mengeluarkan warna selain hijau. Keindahan warna bunga pokok Semarak Api, Jemertang Laut, Tapak Unta dan sebagainya menambahkan lagi keindahan sesuatu landskap. Bahkan landskap di negara kita tidak akan terasa lengkap jika ia tidak dihiasi oleh pokok berwarna-warni.

Terdapat banyak pokok utama berbunga tumbuh di sekitar kita. Keindahan warna yang menceriakan ini wujud hasil daripada bunga yang keluar pada musim-musim tertentu. Banyak daripada bunga pokok di negara kita mekar ketika musim kemarau. Rangsangan cahaya terik, cuaca panas dan tanah kering boleh menyebabkan pokok tropika mengeluarkan bunga dengan banyak.

Selain daripada mempunyai bunga berwarna-warni, ada juga pokok utama berbunga yang mempunyai daun pelbagai corak dan warna. Bagi sesetengah jenis pokok ini mungkin berwarna warni sepanjang tahun tetapi ada juga yang hanya bertukar warna pada musim-musim tertentu.

Pengunaan pokok utama berbunga sememangnya digalakkan dalam landskap negara kita. Ini terutamanya apabila kita ingin membina sebuah Negara Taman Terindah. Selain daripada menceriakan suasana desa dan bandar, pokok yang berwarna-warni juga boleh digunakan bagi menjadi penunjuk arah dan juga penanda kawasan. Sebagai contoh, pokok yang berbunga kuning atau merah elok ditanam di persimpangan jalan bagi memberi amaran kepada pengguna jalan raya.





Pokok yang mempunyai warna seragam boleh kita gunakan di sepanjang jalan yang menghala ke sesuatu tempat. Begitu juga pokok utama berbunga boleh ditanam di sesuatu kawasan atau bangunan penting sebagai mercu tanda kawasan berkenaan.

Pokok utama berbunga sentiasa menarik perhatian kita semua dan juga para pelancong. Sumbangannya sangat berharga kepada rakyat negara kita sebagai penyeri Negara Taman Terindah.



*Pakak Altama  
Berbunga*





*Albizia falcata*



## Pokok Mancis

<b>Nama Botani</b>	: <i>Albizia falcata</i>
<b>Nama Biasa</b>	: Pokok Mancis, Albizia
<b>Famili</b>	: Leguminosae
<b>Asal</b>	: Malaysia

### Habitat

- Hidup subur di kawasan berpayau, sesuai di tanah peroi dan liat berpasir.

### Keterangan

- Pokok besar, ketinggian mencapai 50 meter, mempunyai silara terbuka dahannya, mendatar dan mulai jatuh dan akhirnya setiap hujung dahan bertemu.
- Berbunga putih 1-2 minggu sahaja, saiz kecil, tidak jelas.
- Batang licin, berwarna kelabu putih dan mudah patah apabila tua.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di taman rekreasi dan kawasan lapang.
- Ditanam sebagai pokok spesimen atau pokok teduhan.





*Andira inermis*



## Cabbage Tree

- Nama Botani** : *Andira inermis*  
**Nama Biasa** : Brown Heart, Yellow Cabbage Tree, Jamaica Cabbage Tree  
**Famili** : Leguminosae  
**Asal** : Amerika Selatan, Amerika Tengah, Afrika Barat

### Habitat

- Subur di kawasan tanah berlom, liat atau berpasir.
- Memerlukan saliran yang baik, tidak subur pada kawasan air bertakung.
- Memerlukan cahaya matahari penuh atau sedikit teduh.

### Keterangan

- Sederhana tinggi (12 meter), sudur bulat seperti kobis.
- Dipanggil sebagai "pokok kobis".
- Tekstur daun sederhana, warna daun hijau gelap.
- Bunga kecil berwarna ungu dalam bentuk jambak di celah tangkai daun.

### Kegunaan Landskap

- Pokok teduhan di pinggiran jalan raya, taman rumah, taman awam.





*Bauhinia blakeana*



## Tapak Kuda

- Nama Botani** : *Bauhinia blakeana*  
**Nama Biasa** : Tapak Kuda, Tapak Unta, Bauhinia, Hong Kong Orchid Tree  
**Famili** : Leguminosae  
**Asal** : Cina

### Habitat

- Subur di kawasan tanah berlom, liat atau berpasir.
- Memerlukan saliran yang baik, tidak subur pada kawasan air bertakung.
- Memerlukan cahaya matahari penuh atau sedikit teduh.

### Keterangan

- Nama pokok mengambil nama keluarga *Bauhins* (Ahli Botani)
- Sederhana tinggi (8 meter), sudur bulat.
- Tekstur daun sederhana kasar.
- Bunga berbentuk seperti bunga orkid, warna merah jambu, merupakan daya tarikan utama pokok ini.

### Kegunaan Landskap

- Pokok teduhan dan hiasan di taman rumah, tempat letak kereta.
- Pokok spesimen bagi menyerikan taman.





*Callistemon  
citrinus*



## Crimson Bottlebrush

<b>Nama Botani</b>	: <i>Callistemon citrinus</i>
<b>Nama Biasa</b>	: Crimson Bottlebrush
<b>Famili</b>	: Myrtaceae
<b>Asal</b>	: Australia

### Habitat


- Subur di tanah jenis lom, liat, berpasir serta sedikit berasid.
- Memerlukan saliran yang baik.
- Tahan kepada kemarau panjang, tempasan air masin.
- Tiada masalah serius dari segi penyakit dan serangga perosak.

### Keterangan

- Bentuk pokok terbuka dan tumbuh setinggi 5 meter.
- Bunga berbentuk berus botol susu berwarna merah. Bentuk bunga menyebabkan ia dipanggil dengan nama "Bottlebrush". Merupakan daya tarikan utama pokok.
- Boleh dibentuk sebagai tumbuhan pemanjat (*espalier*) yang melekap pada dinding dan muka tembok.

### Kegunaan Landskap

- Pokok pengadang atau tabir melindungi pandangan yang tidak menarik.







*Calophyllum  
inophyllum*



## Penaga Laut

**Nama Botani** : *Calophyllum inophyllum*  
**Nama Biasa** : Penaga Laut, Alexandrine Laurel  
**Famili** : Guttiferae  
**Asal** : Malaysia

### Habitat

- Sesuai ditanam di kawasan pantai dan hidup subur di tanah peroi berpasir.

### Keterangan

- Pokok malar hijau yang sesuai ditanam di kawasan pantai.
- Ketinggian mencapai 15 meter, bercabang rendah dan tidak lurus.
- Daunnya berbentuk bujur, warna hijau tua, tebal, liat, lebar dan berkilat.
- Berbunga lebat satu atau dua kali setahun. Bunga berwarna putih dan berbau harum.
- Buahnya kecil, bulat dan keras, berwarna hijau.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di tepi jalan dan kawasan pantai sebagai pokok teduhan dan penghadang.
- Keistimewaan pokok ini terletak kepada daun yang besar dan berkilat.



*Cassia fistula*



## Golden Shower

- Nama Botani** : *Cassia fistula*  
**Nama Biasa** : Rajah Kayu, Golden Shower, Indian Laburnum  
**Famili** : Fabaceae  
**Asal** : India, Pakistan, Myanmar, Sri Lanka

### Habitat

- Subur di tanah jenis lom, liat ataupun berpasir.
- Memerlukan saliran yang baik.
- Tahan kepada kemarau panjang dan tempian air masin.
- Memerlukan pendedahan penuh cahaya matahari.

### Keterangan

- "*Fistula*" adalah perkataan Latin yang bermaksud "paip". Ia merujuk kepada buahnya yang berbentuk serupa dengan batang paip.
- Sederhana tinggi (8-10 meter) dan tumbuh cepat.
- Bunga berwarna kuning, keluar lebat dalam bentuk gugusan dan sangat menarik. Pada musim kemarau bunga keluar dengan banyak dan meliputi seluruh pokok.
- Daun berwarna hijau muda.
- Buah berbentuk kekacang sepanjang 30-60 cm.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai sebagai pokok spesimen yang dapat menarik perhatian orang ramai dalam taman sederhana besar kerana bunganya yang lebat.
- Pokok ini tidak sesuai ditanam di pinggir jalan atau padang letak kereta kerana dahan dan ranting mudah patah ketika ribut.



*Cassia spectabilis*



## Kasia Kuning

**Nama Botani :** *Cassia spectabilis*

**Nama Biasa :** Kasia Kuning, Droopy Cassia

**Famili :** Caesalpiniaceae

**Asal :** Kawasan Tropika Amerika Selatan

### Habitat

- Tanah berlom dan sedikit berpasir.
- Memerlukan saliran yang baik.

### Keterangan

- Ketinggian pokok mencapai 12-14 meter dan mempunyai kanopi yang rendah.
- Bunga yang menarik berwarna kuning kemerahan dan keluar berjambak pada hujung dahan.

### Kegunaan Landskap

- Pokok teduhan dan hiasan berbunga di dalam taman dan di pinggir-pinggir jalan.





*Delonix regia*



## Semarak Api

**Nama Botani** : *Delonix regia*

**Nama Biasa** : Semarak Api, Flame of the Forest, Flame Tree, Red Flame

**Famili** : Caesalpiniaceae

**Asal** : Pulau Madagascar

### Habitat

- Kawasan panas dan lembab terutamanya di tepi laut.
- Memerlukan tanah bersaliran baik.

### Keterangan

- Perkataan "*delonix*" adalah dua perkataan Yunani iaitu "*delos*" bermaksud "bukti" dan "*onux*" bermaksud "penyepit". Sementara itu "*regia*" pula bererti "diraja".
- Ketinggian pokok mencapai 15-20 meter.
- Pokok ini tumbuh rendah seperti payung.
- Bunga berjambak berwarna merah atau oren kekuningan. Bunga mempunyai empat kelopak berupa sudu.
- Pada musim panas dan kemarau anak daun yang halus akan gugur dan bunga keluar dengan banyak di hujung-hujung dahan.

### Kegunaan Landskap

- Pokok teduhan di pinggir-pinggir jalan dan di dalam taman yang luas.
- Pokok spesimen kerana keindahan bunga merupakan daya tarikan utama.





*Dillenia excelsa*



## Simpoh Ungu

- Nama Botani :** *Dillenia excelsa*  
**Nama Biasa :** Simpoh Ungu, Simpoh Bini  
**Famili :** Dilleniaceae  
**Asal :** India, Malaysia dan Filipina

### Habitat


- Amat sesuai di tanah peroi tetapi boleh juga hidup di tanah pamah.
- Memerlukan cahaya matahari yang baik.

### Keterangan

- Pokok sederhana besar, ketinggian mencapai 10 meter.
- Daunnya lebar, berbentuk bujur dan runcing di hujung dengan tepi yang bergigi dan permukaan beralun. Urat daun selari dan nyata.
- Bunga berwarna kuning, berkelopak kemerahan. Kuntumnya bulat dan mengembang kepada 5 kelopak berbentuk bintang.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di tepi jalan, bangunan, taman dan kawasan rekreasi.
- Ditanam sebagai pokok teduhan dan spesimen.



*Dillenia  
suffruticosa*



## Simpoh Air

<b>Nama Botani</b>	: <i>Dillenia suffruticosa</i>
<b>Nama Biasa</b>	: Simpoh Air
<b>Famill</b>	: Dilleniaceae
<b>Asal</b>	: Malaysia

### Habitat

- Subur di pelbagai jenis tanah termasuk tanah yang berair ataupun kering seperti di cerun bukit.

### Keterangan

- Berbentuk rimun sehingga ke paras tanah. Dahan-dahan tumbuh lurus tetapi boleh melentur ke bawah.
- Bunga berwarna kuning, daun berbentuk bujur lebar. Buah berwarna merah jambu.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai digunakan untuk mengawal hakisan. Sesuai ditanam di kawasan kurang subur, berpaya atau bercerun.
- Pokok tabir di tepi lebuh raya bagi melindungi kawasan yang kurang menarik kerana warna bunganya dan bentuk daunnya yang menarik.





*Enterolobium saman*



## Hujan-Hujan

**Nama Botani :** *Enterolobium saman*

**Nama Blasa :** Hujan-Hujan, Pokok Pukul Lima, Raintree

**Famili :** Mimosaceae

**Asal :** Kawasan Tropika Amerika

### Habitat

- Subur di pelbagai jenis tanah.
- Memerlukan kawasan bersaliran baik.

### Keterangan

- Ketinggian mencapai 20-25 meter, mempunyai kanopi berbentuk payung yang lebar.
- Daun jenis bipinatif dan anak daun akan menguncup apabila kurang cahaya lewat petang ataupun ketika hujan lebat.
- Bunga berbulu, warna merah jambu bercampur putih.
- Buah berbentuk lenggai sepanjang 15-20 cm panjang, warna hitam apabila masak.

### Kegunaan Landskap

- Pokok teduhan di taman-taman luas, di pinggir lebuh raya dan *boulevard*. Jika ditanam di bahu jalan, kanopinya akan bercantum membentuk seperti terowong.





*Erythrina glauca*



## Dedap

- Nama Botani** : *Erythrina glauca*  
**Sinonim** : *Erythrina fusca*  
**Nama Biasa** : Dedap, Coral Tree, Swamp Erythrina  
**Famili** : Fabaceae  
**Asal** : Kawasan Tropika India, Myanmar, Thailand, Malaysia, Filipina

### Habitat

- Tumbuh di pelbagai jenis tanah yang mempunyai saliran sederhana.
- Hidup baik di tepi pantai dan tepi sungai.
- Memerlukan cahaya matahari yang banyak.

### Keterangan

- Ketinggian sehingga 10 – 20 meter, bentuk pokok rendang, batang berduri kecil.
- Bunga keluar 3 serangkai berwarna oren dan merah.

### Kegunaan Landskap

- Pokok spesimen dalam taman.
- Pokok pagar di sepanjang jalan masuk dan di sempadan kawasan.





*Fagraea fragrans*



## Tembusu Padang

**Nama Botani :** *Fagraea fragrans*

**Nama Biasa :** Tembusu, Tembusu Padang, Tembusu Hutan

**Famili :** Loganiaceae

**Asal :** Tumbuhan asli di kawasan India, Myanmar, Indo-China, Thailand, Indonesia dan Filipina

### Habitat

- Tumbuh secara semulajadi pada tanah berlom atau sedikit liat. Tahan tanah yang lembab atau berpasir. Tumbuh dengan mudah di kawasan yang baru diteroka.

### Keterangan

- Ketinggian mencapai 25-55 meter. Pokok berbentuk lonjong, mempunyai banir terutama di kawasan subur.
- Kulit batang mempunyai tekstur rekahan kasar tetapi menarik, berwarna coklat-hitam.
- Bunga berwarna putih kekuningan, berbau harum dan keluar dengan banyak pada musim tertentu.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di taman yang luas atau di pinggir-pinggir lebuh raya, *boulevard* dan jalan masuk. Ia sesuai juga di tanam di hadapan bangunan yang tinggi.





*Gardenia carinata*



## Cempaka Hutan

<b>Nama Botani</b>	: <i>Gardenia carinata</i>
<b>Nama Biasa</b>	: Cempaka Hutan, Kedah Gardenia
<b>Famili</b>	: Rubiaceae
<b>Asal</b>	: Malaysia

### Habitat

- Tumbuh di pelbagai jenis tanah tetapi memerlukan saliran yang baik.
- Memerlukan banyak cahaya matahari.

### Keterangan

- Ketinggian sederhana mencapai 12 meter. Bentuk kanopinya bujur tetapi lebih terbuka apabila pokok semakin matang.
- Bunga agak besar dan menarik, berukuran 5 – 10 cm lebar.
- Daun berbentuk bujur telur dan berkilat, urat daun jelas kelihatan.
- Buah digemari burung dan tupai.

### Kegunaan Landskap

- Pokok spesimen (ditanam bersendirian).
- Ditanam berkelompok di dalam taman ataupun pinggir jalan.
- Pokok ini boleh menarik burung dan hidupan liar dalam bandar.
- Sesuai ditanam di tempat letak kereta.



*Gliricidia  
sepium*



## Mexican Lilac

**Nama Botani** : *Gliricidia sepium*  
**Nama Biasa** : Mexican Lilac  
**Famili** : Leguminosae  
**Asal** : Amerika Tengah

### Habitat

- Hidup di pelbagai jenis tanah yang kurang subur.
- Boleh tahan tanah yang berasid ataupun sedikit beralkali (pH 4.5 – 6.2).
- Sekarang terdapat tumbuh di kawasan tropika serata dunia.

### Keterangan

- Kategori pokok kecil ke sederhana besar. Batang bercabang daripada pangkal.
- Bunga keluar bergugusan berwarna ungu, merah jambu atau keputihan.
- Daun gugur di musim kemarau diikuti dengan pengeluaran bunga yang banyak.

### Kegunaan Landskap

- Pokok pelindung pemandangan, pokok pagar di kawasan desa, pokok mengawal hakisan.
- Jika ditanam berkelompok ataupun sebagai pagar, keindahan bunganya yang lebat berwarna ungu atau merah jambu sangat menarik dan menceriakan.





*Hibiscus tiliaceus*



## Bebaru

**Nama Botani :** *Hibiscus tiliaceus*

**Nama Biasa :** Baru-baru, Bebaru, Baru Laut

**Famill :** Malvaceae

**Asal :** Kawasan Tropika termasuk Malaysia

### Habitat

- Subur di kawasan pantai antara batasan air masin dan air tawar.
- Memerlukan cahaya matahari terik tetapi tidak tahan kemarau panjang.
- Boleh hidup di tanah batu kapur atau tanah lahar gunung berapi.

### Keterangan

- Pokok sederhana tinggi, mencapai 8 meter dan cepat tumbuh. Pokok ini bercabang daripada pangkal.
- Daun berwarna hijau kelabu dan berbentuk jantung.
- Bunga seperti bunga raya, berwarna kuning di waktu pagi tetapi bertukar oren perang sebelum gugur di waktu petang atau keesokan harinya.

### Kegunaan Landskap

- Pokok penghadang pemandangan dan tiupan angin terutamanya di kawasan pantai.
- Pokok teduhan sederhana besar dalam taman dan di tempat letak kereta.





*Jacaranda  
filicifolia*



## Jambul Merak

- Nama Botani :** *Jacaranda filicifolia*  
**Nama Biasa :** Jambul Merak, Jakaranda  
**Famili :** Bignoniaceae  
**Asal :** Kawasan Tropika Amerika

### Habitat

- Tumbuh subur di kawasan tropika dan sederhana temperat.
- Memerlukan cahaya matahari yang banyak.
- Memerlukan tanah berlom yang baik salirannya.
- Tahan kemarau panjang, boleh hidup pada tanah kering.

### Keterangan

- Ketinggian sederhana besar mencapai 6-15 meter.
- Daun halus menyerupai daun paku-pakis.
- Bunga berbentuk corong, warna ungu kebiruan dalam bentuk jambak sepanjang 25 cm. Musim kemarau atau ketika pokok menghadapi tekanan, bunga akan keluar dengan banyak memenuhi pokok.
- Buah berbentuk kapsul, warna coklat/hitam apabila masak.
- Kulit pokok berwarna keputihan dan melupas.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di taman-taman dan ditanam secara berkelompok untuk keindahan bunganya.
- Sesuai sebagai pokok teduhan sederhana besar kerana bentuk pokoknya yang rendah.
- Sesuai ditanam di jalan-jalan masuk.





*Lagerstroemia  
floribunda*



## Bungor Kedah

- Nama Botani** : *Lagerstroemia floribunda*  
**Nama Biasa** : Bungor Kedah  
**Famili** : Lythraceae  
**Asal** : Tumbuhan asli di Myanmar, Thailand dan Malaysia

### Habitat


- Subur di tanah bersaliran baik.
- Memerlukan cahaya matahari banyak.

### Keterangan

- Nama genus mengambil sempena nama *Magnus Von Lagerstrom* (seorang patron sains berbangsa Sweden).
- Ketinggian sederhana tinggi, mencapai 12 meter. Mempunyai bentuk terbuka, daun lebar dan berkilat.
- Bunganya menarik berwarna merah kebiruan.

### Kegunaan Landskap

- Pokok spesimen dan pokok teduhan di dalam taman, hadapan bangunan, di pinggir-pinggir jalan dan di tempat letak kereta.





*Lagerstroemia  
loudonii*



## Bungor Siam

**Nama Botani** : *Lagerstroemia loudonii*  
**Nama Biasa** : Bungor Siam  
**Famili** : Lythraceae  
**Asal** : Myanmar, Thailand, Malaysia

### Habitat

- Sesuai di tanah yang sedikit basah dan beroganik.
- Tahan kepada keadaan banjir sementara dan selalu terdapat di kawasan tepi sungai.

### Keterangan

- Ketinggian mencapai 10-15 meter, mempunyai kanopi rendah.
- Daun berbentuk bujur sepanjang 10-20 cm.
- Bunga berwarna merah jambu, keluar dalam bentuk jambak.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di pinggir-pinggir jalan dan juga dalam berbagai jenis taman kerana daya tarikan bunga dan kanopinya yang rendah.







*Lagerstroemia speciosa*



## Bungor Raya

- Nama Botani** : *Lagerstroemia speciosa*  
**Sinonim** : *Lagerstroemia flos-reginae*  
**Nama Biasa** : Bungor Raya, Pride of India  
**Famili** : Lythraceae  
**Asal** : India, Asia Tenggara hingga ke Australia

### Habitat

- Tumbuh subur pada tanah jenis lom dan lembab.

### Keterangan

- Ketinggian mencapai 15–20 meter.
- Bunga menarik berwarna ungu kemerahan dalam bentuk jambak.

### Kegunaan Lanskap

- Pokok spesimen di taman yang luas atau di pinggir-pinggir jalan.





*Messua ferrea*



## Penaga Lilin

- Nama Botani** : *Messua ferrea*  
**Nama Biasa** : Penaga Lilin, Ironwood  
**Famili** : Guttiferae  
**Asal** : India, Myanmar, Thailand, Semenanjung Malaysia hingga ke Indonesia

### Habitat


- Tumbuh di pelbagai jenis tanah termasuk di lereng-lereng bukit yang mempunyai lapisan tanah yang nipis.
- Tahan jika dibanjiri air dalam jangkamasa singkat.
- Lebih gemarkan tanah yang bersaliran baik.

### Keterangan

- Ketinggian mencapai 30 meter tetapi lambat membesar. Kanopinya berbentuk konikal.
- Daun berbentuk runcing dan padat. Bahagian bawah daun berwarna putih kehijauan. Keindahan pokok ini terletak pada pucuk baru yang berwarna merah hati.
- Bunga berwarna putih dengan tompok kuning di tengah-tengah, berbau harum.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di taman sederhana luas atau sebagai pokok pinggir jalan.
- Pokok pelindung daripada bunyi bising, pemandangan buruk dan juga debu kerana ketebalan kanopinya.





*Michelia  
champaca*



## Cempaka Kuning

- Nama Botani** : *Michelia champaca*  
**Sinonim** : *Michelia aurantiaca*  
**Nama Biasa** : Cempaka Kuning, Golden Champa, Yellow Champa  
**Famili** : Magnoliaceae  
**Asal** : Kawasan berbukit di India dan Malaysia

### Habitat

- Memerlukan tanah yang subur.
- Subur pada iklim sederhana seperti di kawasan tanah tinggi.
- Tidak tahan kepada tanah berair.

### Keterangan

- Genus *Michelia* mengambil nama *Peter Antonio Micheli* (ahli botani berbangsa Itali).
- Ketinggian setinggi 12-15 meter dalam kawasan taman. Tetapi boleh tumbuh melebihi 25 meter dalam keadaan semulajadi di hutan. Mempunyai kanopi berbentuk konikal.
- Bunga besar (5 cm), berwarna kuning ke oren, berbau sangat harum.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai digunakan dalam taman yang luas.
- Pokok pingiran jalan.
- Kecharuman bunga adalah daya tarikan utama, sesuai ditanam pada laluan angin.





*Mimusops elengi*



## Bunga Tanjung

**Nama Botani :** *Mimusops elengi*

**Nama Biasa :** Bunga Tanjung

**Famili :** Sapotaceae

**Asal :** Asia Tenggara termasuk Malaysia

### Habitat

- Tumbuh di kawasan tepi pantai, kawasan berbatu dan tanah yang subur. Pokok boleh tahan keadaan tanah yang basah selama 1-2 bulan.
- Memerlukan cahaya matahari yang banyak untuk hidup subur.

### Keterangan

- Ketinggian mencapai 30 meter, mempunyai kanopi berbentuk bulat. Pokok akan membentuk banir pada keadaan tanah yang tidak subur.
- Bunga berwarna putih, berbau harum.
- Buah bersaiz kecil, berwarna oren atau merah ketika masak.

### Kegunaan Landskap

- Pokok teduhan atau pelindung terutamanya dalam taman yang luas.
- Boleh menarik burung, keharuman baunya juga digemari ramai.







*Peltophorum  
pterocarpum*



## Batai Laut

**Nama Botani** : *Peltophorum pterocarpum*

**Nama Biasa** : Batai Laut, Jemerlang Laut, Semarak Kuning, Yellow Flame

**Famili** : Leguminosae

**Asal** : India, Sri Lanka, Thailand, Malaysia sehingga ke Australia

### Habitat

- Sesuai di tanah berpasir dan berbatu. Hidup subur di tepi pantai dan kawasan tepi pantai berbatu, dalam hutan maupun berdekatan paya bakau.

### Keterangan

- Ketinggian sederhana tinggi (15 meter).
- Daun jenis bipinatif. Daun akan gugur di musim kering dan bunga akan keluar dengan banyak.
- Bunga jenis rasem berwarna kuning.
- Buah jenis lengai berwarna perang.

### Kegunaan Landskap

- Pokok hiasan dan teduhan di pinggir jalan, taman-taman rumah.
- Daun dan bunga yang gugur dengan banyak mungkin menyebabkan ia kurang sesuai untuk tempat letak kereta.
- Warna bunganya yang kuning dan lebat menjadi faktor menarik utama pokok ini.





*Plumeria obtusa*



## Kemboja Putih

**Nama Botani** : *Plumeria obtusa*

**Sinonim** : *Plumeria alba*

**Nama Biasa** : Kemboja Putih, White Frangipani,  
Pagoda Tree

**Famili** : Apocynaceae

**Asal** : Kawasan tropika Amerika

### Habitat

- Hidup subur dipelbagai jenis tanah. Berbunga dengan lebih banyak pada keadaan tanah kurang subur tetapi bersaliran baik.

### Keterangan

- Ketinggian sederhana tinggi, mencapai 5–8 meter. Batang pokok lembut. Dahan bercabang rendah.
- Daun sederhana besar (20–30 cm panjang), lebar dan bulat di bahagian hujung.
- Bunga keluar berjambak di hujung dahan, berwarna putih dengan kekuningan pada corongnya, berbau harum lembut.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam dalam taman rumah. Banyak digunakan dalam taman ala Bali.
- Pokok hiasan pinggiran jalan dan mempamerkan bunga putih yang menarik jika ditanam berbaris.





*Plumeria rubra*



## Kemboja Merah

- Nama Botani** : *Plumeria rubra*  
**Sinonim** : *Plumeria accuminata*  
**Nama Biasa** : Kemboja Merah, Pink Frangipani,  
Red Frangipani  
**Famili** : Apocynaceae  
**Asal** : Kawasan tropika Amerika

### Habitat

- Hidup subur di pelbagai jenis tanah. Berbunga dengan lebih banyak pada keadaan tanah kurang subur tetapi bersaliran baik.

### Keterangan

- Berbeza dengan *Plumeria alba*, pokok ini mempunyai daun yang sederhana besar tetapi lebih runcing di pangkal dan di hujungnya.
- Bunga berwarna merah hati, putih dengan tepinya berwarna merah jambu dan oren.
- Kebanyakan pokok jenis ini adalah hasil kacukan.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di dalam taman rumah.
- Pokok hiasan pinggir jalan dan mempamerkan bunga pelbagai warna yang menarik jika ditanam berbaris atau berkelompok.





*Pometia pinnata*



## Kasai Daun Lebar

**Nama Botani** : *Pometia pinnata*

**Nama Biasa** : Kasai Daun Lebar, Lansir, Kelisar

**Famili** : Sapindaceae

**Asal** : Sri Lanka hingga New Guinea dan Fiji

### Habitat

- Sesuai di tanam di tepi sungai.
- Hidup subur di tanah peroi berpasir.

### Keterangan

- Pokok hutan yang tinggi dengan kanopinya yang terbuka dan tidak seimbang.
- Ketinggian mencapai 30 meter.
- Daun muda sangat menonjol dengan warna kemerahan dan daun tua pula bergerigi dan berkilat. Daun berbentuk bujur dan lebar.
- Batangnya bercabang dari bawah dan bersisik, warna keperangan.
- Bunga bersaiz kecil dan tidak jelas, di dalam rasem berwarna kuning.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai ditanam di tepi jalan, tempat letak kereta, pinggir air, taman rekreasi dan tanah lapang.
- Ditanam untuk keindahan pokoknya, sebagai pokok teduhan, spesimen, latar belakang dan estatik.
- Buah kecil seperti buah lici dan digemari hidupan liar kecil seperti tupai dan burung.







*Saraca cauliflora*



## Gapis

- Nama Botani** : *Saraca cauliflora*  
**Sinonim** : *Saraca thaipingensis*  
**Nama Biasa** : Gapis, Gapis Batang, Gapis Golak,  
Yellow Saraca  
**Famili** : Leguminosae  
**Asal** : India

### Habitat

- Hidup subur di tempat redup dan kawasan lembah yang mempunyai saluran yang baik.
- Sesuai pada kawasan peroi berpasir.

### Keterangan

- Tumbuh tegak lurus, ketinggian mencapai 10 meter.
- Dan bujur tirus, warna hijau kekuningan dan merah paru.
- Bunga berjambak, warna kuning dan merah paru.
- Berdahan banyak.

### Kegunaan Lanskap

- Sesuai ditanam sebagai pokok hiasan dan peneduh di kawasan taman dan tepi jalanraya.
- Bunga cantik dan berbau harum.



*Solanum wrightii*



## Pokok Terung Hiasan

**Nama Botani** : *Solanum wrightii*  
**Nama Biasa** : Pokok Terung Hiasan  
**Famill** : Solanaceae  
**Asal** : Brazil, Amerika

### Habitat

- Hidup di tanah pamah tetapi sesuai di tanah yang peroi.
- Memerlukan cahaya matahari bagi pertumbuhan yang baik.

### Keterangan

- Pokok malar hijau kecil dan sentiasa berbunga, ketinggian 10 meter.
- Daun lebar, berbentuk tapak tangan, berbulu dan berduri.
- Bunga besar, berbentuk bintang, berubah warna kepada ungu, biru dan putih dengan stamen berwarna kuning. Batang licin, bercabang rendah.

### Kegunaan Landskap

- Sesuai di tanam di kawasan lapang dan taman rekreasi, sesuai ditanam sebagai tanaman spesimen atau berkelompok.
- Ditanam untuk bunganya yang menarik, tahan cantasan yang lasak dan penjagaan yang minima.



*Spathodea  
campanulata*



## Pancut-Pancut

- Nama Botani** : *Spathodea campanulata*  
**Nama Biasa** : Pancut-Pancut, African Tulip  
**Famili** : Bignoniaceae  
**Asal** : Kawasan Afrika Timur

### Habitat

- Tumbuh subur pada tanah yang berorganik, kaya dengan nutrien serta bersaliran baik.

### Keterangan

- Ketinggian mencapai 20 meter atau lebih.
- Kulit lembut (*fibrous*) dan berdahan pendek.
- Daun tersusun berhadapan, berwarna hijau gelap.
- Bunga besar dan menarik, berwarna oren cerah.
- Buah masak berwarna coklat, berbentuk sampan. Bijinya putih bersayap dan diterbangkan angin apabila telah masak.

### Kegunaan Landskap

- Menarik ditanam di taman.
- Warna bunganya menjadi daya tarikan utama.
- Lebih menarik jika ditanam berkelompok.





*Tabebuia pallida*



## Tekoma Daun Kecil

**Nama Botani :** *Tabebuia pallida*

**Nama Biasa :** Cuban Pink Trumpet Tree,  
Tekoma Daun Kecil

**Famili :** Bignoniaceae

**Asal :** West Indies, Amerika Tengah dan Amerika Utara

### Habitat

- Tumbuh pada pelbagai jenis tanah.
- Memerlukan cahaya matahari yang banyak.

### Keterangan

- Tumbuh tegak, ketinggian mencapai 8 – 10 meter.
- Daun jenis palmat, 3-5 anak daun disusun bertentangan. Saiz daun lebih kecil dari *Tabebuia pentaphylla*.
- Bunga berwarna merah jambu ke ungu dengan warna kekuningan di bahagian tengah.

### Kegunaan Landskap

- Terkenal kerana bunganya yang sangat menarik.
- Sesuai ditanam sebagai pokok spesimen, ditanam berbaris di pinggir jalan atau ditanam berkelompok bagi mempamerkan keindahan bunganya.





*Tabebuia  
pentaphylla*



## Tekoma Daun Lebar

**Nama Botani :** *Tabebuia pentaphylla*

**Nama Biasa :** Tekoma Daun Lebar

**Famili :** Bignoniaceae

**Asal :** Kawasan Tropika dan Subtropika Amerika Tengah dan Selatan

### Habitat

- Tumbuh pada pelbagai jenis tanah.
- Memerlukan cahaya matahari yang banyak.

### Keterangan

- Tumbuh tegak, ketinggian mencapai 20 meter.
- Daun jenis palmat (seperti tapak tangan), 3-5 anak daun disusun bertentangan.
- Bunga besar berwarna merah jambu ke ungu, keluar dengan banyak apabila datang musim kemarau dan daun gugur.

### Kegunaan Landskap

- Pokok ini terkenal kerana bunganya yang lebat dan sangat menarik.
- Sesuai ditanam bersendirian dalam taman, ditanam berbaris, di pinggir jalan atau ditanam berkelompok bagi mempamerkan keindahan bunganya.







*Xanthostemon  
chrysanthus*



## Golden Penda

**Nama Botani** : *Xanthostemon chrysanthus*

**Nama Biasa** : Golden Penda

**Famili** : Myrtaceae

**Asal** : Australia

### Habitat

- Tumbuh sesuai pada tanah yang mengandung banyak bahan organik dan air.
- Memerlukan cahaya matahari yang banyak.

### Keterangan

- Tumbuh tegak, ketinggian sederhana, mencapai 12 meter.
- Daun lebat dan berkilat.
- Bunga halus di dalam jambak, berwarna kuning terang, bentuk bunga seperti bunga Jambu. Bunga akan keluar dengan banyak dan memenuhi pokok.
- Buah berbentuk bulat, berwarna hijau dan bertukar menjadi hitam bila telah kering.

### Kegunaan Landskap

- Terkenal kerana warna bunganya yang amat menarik.
- Sesuai ditanam secara bersendirian, ditanam berbaris di pinggir jalan atau ditanam berkelompok bagi mempamerkan keindahan bunganya.



*Indeks  
Nama Saintifik*

## INDEKS NAMA SAINTIFIK

### A

- Albizia falcata* 8  
*Andira inermis* 10

### B

- Bauhinia blakeana* 12

### C

- Callistemon citrinus* 14  
*Calophyllum inophyllum* 16  
*Cassia fistula* 17  
*Cassia spectabilis* 18

### D

- Delonix regia* 20  
*Dillenia excelsa* 22  
*Dillenia suffruticosa* 23

### E

- Enterolobium saman* 24  
*Erythrina glauca* 26  
*Erythrina fusca* 26

### F

- Fagraea fragrans* 28

### G

- Gardenia carinata* 30  
*Gliricidia sepium* 31

### H

- Hibiscus tiliaceus* 32

### J

- Jacaranda filicifolia* 34

### L

- Lagerstroemia floribunda* 36  
*Lagerstroemia flos-reginae* 40  
*Lagerstroemia loudonii* 38  
*Lagerstroemia speciosa* 40

### M

- Messua ferrea* 42  
*Michelia champaca* 44  
*Michelia aurantiaca* 44  
*Mimusops elengi* 46

### P

- Peltophorum pterocarpum* 48  
*Plumeria accuminata* 52  
*Plumeria alba* 50  
*Plumeria obtusa* 50  
*Plumeria rubra* 52  
*Pometia pinnata* 54  
*Pterocarpus indicus* 56

### S

- Saraca cauliflora* 58  
*Saraca thaipingensis* 58  
*Solanum wrightii* 59  
*Spathodea campanulata* 60

### T

- Tabebuia pallida* 62  
*Tabebuia pentaphylla* 64

### X

- Xanthostemon chrysanthus* 66



*Indeks  
Nama Biasa*

## INDEKS NAMA BIASA

### A

- African Tulip 60
- Albizia 8
- Alexandrine Laurel 16
- Angsana 56

### B

- Baru-Baru 32
- Baru Laut 32
- Brown Heart 10
- Batai Laut 48
- Bauhinia 12
- Bebaru 32
- Bungor Kedah 36
- Bungor Raya 40
- Bunga Tanjung 46
- Bungor Siam 38

### C

- Cempaka Hutan 30
- Cempaka Kuning 44
- Crimson Bottlebrush 14
- Coral Tree 26
- Cuban Pink Trumpet Tree 62

### D

- Dedap 26
- Droopy Cassia 18

### F

- Flame Tree 20
- Flame of the Forest 20

### G

- Gapis 58
- Gapis Batang 58
- Gapis Golak 58
- Golden Champa 44
- Golden Penda 66
- Golden Shower 17

### H

- Hong Kong Orchid Tree 12
- Hujan-Hujan 24

### I

- Indian Laburnum 17
- Ironwood 42

### J

- Jakaranda 34
- Jamaica Cabbage Tree 10
- Jambul Merak 34
- Jemerlang Laut 48

### K

- Kasai Daun Lebar 54
- Kasia Kuning 18
- Kedah Gardenia 30
- Kelisar 54
- Kemboja Merah 52
- Kemboja Putih 50

### L

- Lansir 54

### M

- Mexican Lilac 31

### P

- Pagoda Tree 50
- Pancut-Pancut 60
- Penaga Laut 16
- Penaga Lilin 42
- Pink Frangipani 52
- Pokok Mancis 8
- Pokok Pukul Lima 24
- Pokok Terung Hiasan 59
- Pride of India 40

## INDEKS NAMA BIASA

### R

- Raintree 24
- Rajah Kayu 17
- Red Flame 20
- Red Frangipani 52

### S

- Semarak Api 20
- Semarak Kuning 48
- Sena 56
- Simpoh Air 23
- Simpoh Ungu 22
- Simpoh Bini 22
- Swamp Erythrina 26

### T

- Tapak Kuda 12
- Tapak Unta 12
- Tekoma Daun Lebar 64
- Tekoma Daun Kecil 62
- Tembusu 28
- Tembusu Hutan 28
- Tembusu Padang 28

### W

- White Frangipani 50

### Y

- Yellow Cabbage Tree 10
- Yellow Champa 44
- Yellow Flame 48
- Yellow Saraca 58

## *Penerbit*



**Jabatan Landskap Negara**  
Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia merupakan jabatan yang bertanggungjawab ke atas segala usaha-usaha untuk melandskap seluruh negara di samping menjadikan Malaysia Negara Taman melalui pembangunan landskap yang berkualiti dan menyeluruh bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat. Bagi mewujudkan kesedaran, minat dan pengetahuan di kalangan semua pihak terhadap kepentingan landskap, berbagai program dan aktiviti telah dilancarkan di seluruh negara dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, Pihak Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Penerbitan *Buku Siri Warisan Landskap - Pokok Utama Berbunga (Flowering Main Tree)* merupakan salah satu daripada usaha jabatan untuk melahirkan kesedaran di kalangan semua pihak terhadap kepentingan membudayakan landskap sebagai salah satu gaya hidup.

## *Penulis*



**Profesor Dr. Mustafa Kamal bin Mohd. Shariff, AILAM**

Mustafa Kamal bin Mohd. Shariff dilahirkan di Pengkalan Hulu dan dibesarkan di persekitaran Taman Tasik Taiping, Perak. Beliau telah menerima pendidikan awal di Sekolah Menengah King Edward VII sebelum melanjutkan pengajian di dalam jurusan Diploma Pertanian di Universiti Pertanian Malaysia (sekarang Universiti Putra Malaysia). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Teknologi Hortikultur (Bachelor in Horticulture Technology), Louisiana State University; Ijazah Sarjana Hortikultur Ornamental dan Rekabentuk Landskap (Master in Ornamental Horticulture and Landscape Design), University of Tennessee dan Doktor Falsafah (Doctor of Philosophy), Colorado State University, USA.

Beliau telah menulis banyak buku-buku yang berkaitan dengan rekabentuk landskap serta kertas kerja untuk diterbitkan sebagai jurnal di samping pembentangan di seminar dan persidangan kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan ahli Sidang Pengarang *Alam Cipta*.

Beliau merupakan Profesor, Pengerusi dan Dekan Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia serta mantan Presiden, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM).



Siri  
*Warisan  
Landskap*

## Pokok Utama Berbunga

*Flowering Main Tree*

[www.kpkt.gov.my/jln](http://www.kpkt.gov.my/jln)  
[www.treesforlife.gov.my](http://www.treesforlife.gov.my)

ISBN 978-963-42072-1-2



9 789634 207212